

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN (SEMBRONG)**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah keputusan Kerajaan berkaitan penawaran daripada Presiden Rusia untuk mengambil balik 28 jet pejuang jenis Sukhoi Su-30MKM dan MIG-29 milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang bermasalah jika Malaysia sedia menggantikannya dengan pesawat baharu buatan negara itu.

JAWAPAN

Pada masa ini, Kementerian Pertahanan lebih menumpukan kepada aset pertahanan bercirikan kawalan dan rondaan sempadan maritim bagi menghalang pencerobohan asing. Sehubungan dengan itu, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah menyediakan Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM 2055 atau CAP55 yang menggariskan perancangan menyeluruh pembangunan keupayaan TUDM sehingga tahun 2055. Pelan ini merangkumi perolehan aset baru selari dengan peredaran masa, penggantian pesawat yang usang dan naik taraf aset sedia ada dengan mengambil kira faktor perancangan yang realistik berdasarkan keutamaan masa yang berfokuskan kepada pengurangan jenis pesawat, menangani isu keusangan dan peningkatan kos senggaraan.

Justeru dengan itu, TUDM akan terus mengekalkan pesawat pejuang F/A-18D Hornet dan Su-30MKM untuk tempoh RMK 12 dan RMK 13. Keperluan terkini adalah perolehan *Maritime Patrol Aircraft* (MPA) dan *Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial Vehicle* (MALE UAV) serta keupayaan tempur ringan dan latihan juruterbang melalui perolehan *Light Combat Aircraft* (LCA) bagi menambah baik keupayaan dan kesiapsiagaan TUDM.

Walaupun pembelian jet pejuang baharu tiada dalam perancangan TUDM, Kementerian Pertahanan masih meneliti tawaran daripada Kerajaan Rusia tersebut.